BAHAGIAN A (Soalan Objektif)

1 Antara yang berikut, hidupan liar manakah yang terdapat di Malaysia?

Buku Teks: M.S. 78 & 79 Aras: Rendah

I Tapir
II Unta
III Zirafah
IV Harimau Malaya

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

2 Apakah jenis pekerjaan yang dapat dikaitkan dengan kawasan ekopelancongan dalam Foto 1?

Buku Teks: M.S. 81 Aras: Sederhana



Foto 1

I Pengendali bot
II Penyelidik
III Pegawai kerajaan
IV Pemandu pelancong

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

3 Apakah kepentingan hidupan liar yang dapat dikaitkan dengan ekopelancongan ?

Buku Teks: M.S. 81 Aras: Sederhana

A Industri perkhidmatan maju
B Pertambahan penduduk
C Eksport negara bertambah
D Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat

4 Apakah kesan aktiviti pengkuarian terhadap hidupan liar?

Buku Teks: M.S. 84 Aras: Sederhana

I Spesies hidupan liar bertambah
II Bekalan makanan meningkat
III Mengganggu ketenteraman hidupan liar
IV Kepupusan spesies hidupan liar

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

5 Antara yang berikut, yang manakah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia?

Buku Teks: M.S. 86-93 Aras: Rendah

I Kempen kesedaran
II Penguatkuasaan undang-undang
III Pertambahan agensi kerajaan
IV Pemberian lesen pemburuan dihadkan kepada syarikat asing

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

6 Apakah kepentingan pendidikan alam sekitar dalam kalangan murid sekolah di Malaysia?

Buku Teks: M.S. 92 Aras: Sederhana

I Murid memahami konsep pembangunan lestari
II Murid melawat ke kawasan ekopelancongan
III Murid menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D)
IV Murid melibatkan diri secara aktif di lapangan

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

7 Apakah kepentingan elemen Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dalam pembinaan hotel di tepi pantai yang melebihi 80 bilik?

Buku Teks: M.S. 91 Aras: Sederhana

A Pengurangan kawasan hijau
B Keluasan hutan berkurangan
C Projek pembangunan bertambah
D Mengurangkan kesan terhadap alam sekitar

8 Apakah aktiviti yang boleh dijalankan di hutan simpan?

Aras: Tinggi

A Pertanian
B Pemburuan
C Penyelidikan
D Pembalakan

9 Antara yang berikut, hidupan liar manakah yang dapat dikaitkan dengan kawasan berikut?


Buku Teks: M.S. 88 & 89 Aras: Sederhana

- Sepilok (Sabah)
- Lanjak Entimau (Sarawak)

A Tapir
B Gajah
C Orang utan
D Badak Sumatera

10 Di manakah terletaknya pusat konservasi gajah dalam Peta 1?

Buku Teks: M.S. 88 Aras: Rendah



Peta 1: Malaysia

LIVEWORKSHEETS